

SULIT



**UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2015/2016**

NAMA KURSUS : KURIKULUM DAN PENGAJARAN  
SAINS SEKOLAH RENDAH

KOD KURSUS : BBR 44403

PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
(SEKOLAH RENDAH)

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2015/JANUARI 2016

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN. TULIS  
SEMUA JAWAPAN DALAM BUKU  
SOALAN INI.


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT BELAS (14)** MUKA SURAT

SULIT

**BAHAGIAN A**

(SOALAN 1 – 15) Jawab soalan dengan memilih mana-mana jawapan yang paling tepat. Tandakan jawapan A, B, C atau D dalam kertas saranan jawapan yang disediakan pada muka surat 7.

- S1 Manakah antara berikut salah tentang objektif Sains Sekolah Rendah?
- A Mengembangkan minat pelajar dalam bidang sains dan teknologi
  - B Melatih pelajar mencari maklumat dan menyampaikannya kepada masyarakat
  - C Menyedari saling hubungan antara kehidupan dan pengurusan alam semula jadi untuk keberterusan hidup
  - D Menghargai sumbangan dalam sains dan teknologi untuk pembangunan negara dan kesejahteraan manusia sejagat



...Ia merujuk kepada buku *Council Science 5 - 13 Project, UK...*namun disesuaikan dengan keperluan negara. Ia menekankan pengajaran berpusatkan murid, berorientasikan aktiviti, dan pembelajaran penemuan melalui penggunaan buku kerja. Ia juga menyediakan perkhidmatan sokongan guru yang berterusan dalam melaksanakan sukatan pelajaran yang sedia ada, terutamanya di kawasan luar bandar. Buku Panduan guru, buku kerja dan bahan-bahan yang digunakan adalah berorientasikan penyiasatan telah dihasilkan untuk Darjah Satu ke Darjah Enam...

Rajah S2

- S2 Rajah S2 di atas merujuk kepada salah satu kurikulum Sains yang pernah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang dikenali sebagai
- A Alam dan Manusia.
  - B Projek Sains.
  - C KBSR.
  - D KSSR.

S3 Antara kekuatan KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) yang mula dilaksanakan pada tahun  I  ialah  II

	I	II
A	2010	guru menekankan penggunaan teknologi dalam meneroka sendiri dan memahami fenomena Sains.
B	2012	guru menerapkan pelbagai kemahiran praktikal seperti menggunakan komputer dan mesin.
C	2011	guru menilai pelajar berdasarkan standard kandungan dan standard pembelajaran.
D	2009	guru diberikan latihan pengajaran Sains dan etika penilaian Sains sebelum mengajar.

S4 Seorang guru yang mendedahkan pelajar dengan masyarakat dan bergabung tenaga dengan pelbagai pihak seperti membuat lawatan dan pertandingan, adalah guru yang memilih pendekatan mengajar \_\_\_\_\_

- A kolaboratif.
- B kontekstual.
- C objektivisme.
- D konstruktivisme.

S5

Soalan guru: "Dengan menggunakan perkataan kamu sendiri nyatakan maksud fotosintesis."

Pernyataan S5

Apakah aras Taksonomi Bloom yang tepat bagi pernyataan S5?

- A Aplikasi.
- B Penilaian.
- C Kefahaman.
- D Pengetahuan.

- S6 Ciri-ciri strategi pengajaran berpusatkan murid ialah
- A pelajar mendengar arahan guru, melaksana arahan, mencari bahan dan menghasilkan produk sendiri.
  - B pelajar menentukan objektif, merancang masa diperlukan, menyemak dan mencari sumber sendiri.
  - C guru mendengar permasalahan, memotivasi dan memberi pelajar tugas mencabar.
  - D guru menetapkan objektif, pelajar melaksanakan dan akhirnya mereka menyemak bersama.
- S7 Pendekatan pengajaran objektivisme amat penting bagi kanak-kanak kerana
- A guru tidak menentukan aras yang hendak dicapai.
  - B kanak-kanak telah mempunyai pengetahuan yang luas.
  - C kanak-kanak boleh menilai baik buruk sesuatu perkara.
  - D guru perlu mengambil peranan membentuk disiplin anak kecil.
- S8 Guru yang menggunakan pendekatan konstruktivisme akan bertanya kepada pelajar salah satu daripada soalan seperti berikut:
- A “Apakah perkaitan hal ini dengan kehidupan seharian kita?”
  - B “Apakah kaitan hal ini dengan perkara yang telah kita ketahui?”
  - C “Bagaimanakah kita boleh menerapkan hal ini dalam amalan seharian?”
  - D “Bolehkah anda selesaikan latihan ini serta hantarkannya dengan segera?”
- S9 Manakah antara berikut teknik pengajaran yang perlu diutamakan untuk mengajar murid-murid yang lemah dalam Sains sekolah rendah?
- A Menganjurkan perbahasan ilmiah antara kelas
  - B Menemui tokoh-tokoh ilmu Sains yang terkenal
  - C Memberi banyak latih tubi dan membuat eksperimen baru
  - D Menjalankan aktiviti praktikal dan pemerhatian di luar kelas
- S10 Apakah salah satu kebaikan membuat perancangan pengajaran tahunan?
- A Pihak PIBG boleh membantu guru menyediakan ABBM yang diperlukan
  - B Para pelajar mengetahui lebih jelas tentang objektif yang hendak dicapai
  - C Semua latihan boleh disamakan dengan soalan peperiksaan
  - D Guru dapat menyiapkan tugas secara berjadual dan teratur

- S11 Suasana kelas yang positif boleh dibentuk apabila seorang guru merancang pengajaran kerana
- A guru menyediakan segala kelengkapan mengajar yang berbeza bagi setiap kelas.
  - B guru bersedia dengan pelbagai rujukan dan majalah yang berkaitan dengan topik.
  - C guru membuat persediaan tentang isi pengajaran, aktiviti dan sumber diperlukan.
  - D guru boleh memberi peluang kepada murid untuk merancang aktiviti semasa PdP.
- S12 Berikut adalah kelemahan pengajaran berpusatkan bahan kecuali
- A pelajar yang mempunyai kebolehan mereka bentuk menjadi lebih bersemangat.
  - B guru sukar menyekat kemasukan maklumat yang tidak sesuai atau berbahaya.
  - C pelajar cenderung berlepas tangan jika ada rakan sekumpulan lain yang rajin.
  - D guru rasa terbeban kerana perlu mendahului pelajar dalam teknologi ICT.
- S13 Berikut adalah faktor yang perlu diambil kira oleh seseorang guru dalam menentukan kaedah pengajaran yang sesuai kecuali
- A jumlah pelajar dan latar belakang mereka.
  - B objektif pengajaran yang hendak dicapai.
  - C bahan-bahan pengajaran yang sedia ada.
  - D personaliti dan minat seseorang guru.
- S14 Konsep pengajaran mikro bermaksud
- A pengajaran guru yang disesuaikan dengan kepelbagaian latar belakang murid.
  - B kemasukan bakal-bakal guru ke institut-institut bertauliah untuk tujuan praktikal.
  - C latihan mendalam untuk pelatih memurnikan kemahiran pengajaran dalam situasi sebenar.
  - D latihan ringkas untuk pelatih memurnikan kemahiran pengajaran dalam situasi yang dimudahkan.

S15 “Dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran ini isi pengajaran dipecahkan kepada unit-unit kecil, pengetahuan disusun daripada yang mudah kepada yang sukar dan memfokus kepada penguasaan murid.” Petikan ini merujuk kepada pembelajaran

- A Masteri.
- B Koperatif.
- C Kontekstual.
- D Kolaboratif.

SULIT

BBR 44403



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SEKOLAH RENDAH) DENGAN KEPUJIAN

KURIKULUM DAN KAEDAH MENGAJAR SAINS SEKOLAH RENDAH

NO. KOD : BBR 44403

TARIKH : DISEMBER 2015/  
JANUARI 2016

NAMA : \_\_\_\_\_

NO. MATRIK: \_\_\_\_\_

NO. KAD PENGENALAN : \_\_\_\_\_

**KERTAS SARANAN JAWAPAN BAHAGIAN A**

**ARAHAN KEPADA CALON :**

**Bulatkan** huruf-huruf di bawah yang bertepatan dengan jawapan yang difikirkan paling tepat bagi soalan-soalan aneka pilihan yang dikemukakan.

S1. A B C D

S8. A B C D

S2. A B C D

S9. A B C D

S3. A B C D

S10. A B C D

S4. A B C D

S11. A B C D

S5. A B C D

S12. A B C D

S6. A B C D

S13. A B C D

S7. A B C D

S14. A B C D

S15. A B C D

(30 markah)

**BAHAGIAN B**

(SOALAN 16 – 25) Tandakan (√) untuk pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah.

SOALAN	JAWAPAN
S16 Kemahiran manipulatif termasuklah kemahiran mengguna, menyimpan dan membersihkan peralatan makmal.	
S17 Menggalakkan pemikiran kreatif dalam pengajaran Sains adalah lebih penting daripada pemikiran kritis.	
S18 Pendekatan pengajaran konstruktivisme termasuk dalam kategori strategi pengajaran berpusatkan guru.	
S19 Perancangan harian antaranya bertujuan mengenal pasti objektif, kaedah mengajar dan ABBM yang hendak digunakan.	
S20 Kemahiran proses sains merujuk kepada pelbagai kemahiran semasa menjalankan ujikaji/eksperimen Sains.	
S21 Pendekatan objektivisme kurang sesuai bagi pelajar tahap Ijazah dan kedoktoran.	
S22 Jean Piaget merupakan salah seorang pelopor pendekatan konstruktivisme.	
S23 J.B. Watson dan B.F. Skinner memperkenalkan teori psikologi behaviorisme yang diaplikasikan sebagai pendekatan objektivisme dalam Pdp.	
S24 Strategi pengajaran berpusatkan bahan termasuk dalam kategori pendekatan pengajaran objektivisme.	
S25 Pendekatan pengajaran kontekstual menekankan kerjasama antara murid dan persekitarannya.	

(10 markah)



**BAHAGIAN C**

(SOALAN 26 – 30) Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai berdasarkan cadangan yang diberi di dalam kotak di bawah.

- objektif	- manipulatif
- humanistik	- penyiasatan
- prinsip-prinsip	- meneroka
- proses sains	- baru
- berfikir	- alam sekeliling

- S26 Kaedah pengajaran inkuiri-penemuan menggalakkan murid \_\_\_\_\_ dan menemui maklumat \_\_\_\_\_.
- S27 \_\_\_\_\_ pendidikan Sains adalah berkisar kesedaran pentingnya sains dan teknologi serta hubungan manusia dengan \_\_\_\_\_.
- S28 Alam dan Manusia menekankan kurikulum \_\_\_\_\_ iaitu kesepaduan disiplin, pendekatan siasatan dalam pembelajaran, meningkatkan kemahiran \_\_\_\_\_ dan penerapan nilai-nilai moral.
- S29 Pentaksiran kerja amali (PEKA) dilaksanakan dalam kurikulum KBSR untuk mengukur sejauh mana murid-murid telah menguasai kemahiran \_\_\_\_\_ dan kemahiran \_\_\_\_\_.
- S30 Semasa melaksanakan eksperimen murid-murid membuat \_\_\_\_\_ untuk menemukan konsep dan \_\_\_\_\_ sains.

(10 markah)

**BAHAGIAN D**

(SOALAN 31 – 32) Jawab semua soalan.

- S31** Bina satu RPH (rancangan pengajaran harian) untuk penagajarn Sains kelas Tahun 5 C di sekolah anda yang mempunyai ramai pelajar lemah, nakal dan bising. Sila cadangkan sendiri tajuk, tempoh dan objektif pengajaran anda untuk **tempoh pengajaran 30 minit**. Sila isikan perincian RPH anda dalam jadual di bawah.

Masa	Isi Pelajaran	Hasil Pembelajaran	Aktiviti PdP	Catatan

**SULIT**

BBR 44403

--	--	--	--	--

(25 markah)

**SULIT**





